

DW 4.3: Cadangan Meningkatkan Produktiviti Tanaman Getah Menerusi Pertanian Hijau

CADANGAN TINDAKAN DAN PROGRAM

Justifikasi Cadangan:

- Amalan Pertanian Baik dan penggunaan teknologi moden dapat meningkatkan hasil pengeluaran getah asli.
- Sasaran kerajaan negeri iaitu peningkatan pendapatan isi rumah pekebun getah kepada RM4,000.00 sebulan berbanding purata pendapatan semasa RM1,200.00 sebulan. Kadar pendapatan isi rumah boleh dicapai melalui peningkatan harga komoditi getah daripada RM5.50 kepada RM17.31/kg.

Komponen Cadangan:

- Pekebun kecil/usahawan digalakkan untuk menanam semula pokok getah yang tidak produktif.
- Mengamalkan Amalan Baik Pertanian Getah iaitu amalan kaedah penyemaian, pembajaan, pengurusan ladang dan penuaian hasil.
- Penggunaan teknologi pertanian moden
 - Mesin penyemai biji getah
 - Mesin bahan tanaman
 - Kenderaan pemungut lateks
 - Sistem penorehan getah automatik
 - Teknologi pengumpulan susu getah
 - Penggunaan peransang pengeluaran lateks (RRIMFLOW, G-FLEX) dapat meningkatkan hasil getah sebanyak 375 kg/hektar/tahun.

Cadangan Insentif kepada Pekebun Kecil:

- Skim Insentif Sara Hidup Pekebun Kecil (SHPK)
- Insentif Pengeluaran Getah (IPG)
- Peningkatan Produktiviti Getah (PPG)
- Skim Insentif Produktiviti Getah (SIPG)
- Skim Insentif Lateks (SIL)
- Kemudahan Infrastruktur Pemasaran (KIP)
- Skim Insentif *Start-Up* – pemberian insentif permulaan perniagaan kepada pekebun kecil
- Skim Insentif Nano – pemberian insentif permulaan perniagaan yang memberi tumpuan kepada pembangunan produk/pengeluaran khususnya bagi usahawan pekebun kecil.

Kaedah Pelaksanaan:

- Kerjasama awam dan swasta (FELDA, FELCRA, RISDA dan Peneroka Ladang, Swasta)



Foto: Penggunaan teknologi pengumpulan susu getah secara automatik

Sumber: <https://www.rubbernews.com/>

CADANGAN LOKASI

Cadangan ini melibatkan kawasan tanaman kelapa sawit seluas **55,636.17** hektar yang merangkumi daerah Batu Pahat, Kluang dan Mersing.

Daerah	Keluasan (Hek)	Peratus (%)
Batu Pahat	40,462.37	72.73
Kluang	10,889.92	19.57
Mersing	4,283.88	7.70
Jumlah	55,636.17	100.00

Sumber: Jabatan Pertanian Negeri Johor 2021.

AGENSI PELAKSANA


Pemula	Pelaksana
• ELDA	• FELDA
• FELCRA	• FELCRA
• RISDA	• RISDA
• Ladang Swasta	• Ladang Swasta

ANGGARAN KOS


- Kos Penyelenggaraan = RM 100 per hektar bagi (luas 55,636.17 hek) dengan jumlah kos RM 5,563,617.

Jumlah Keseluruhan Kos: RM 5,563,617

FASA PELAKSANAAN





Rajah 4.51: Cadangan Pengekalan Pertanian Tanaman Makanan Johor Tengah



Sumber: Kajian PHS Desa Negeri Johor (Fasa 2: Johor Tengah), 2020

PETUNJUK:

- | | | | |
|---|--|---|----------------------|
|  | Kelapa Sawit (345,287.86 Hektar) |  | Taburan Kampung |
|  | Getah (55,636.17 Hektar) |  | Sempadan Daerah |
|  | Tanaman Makanan (22,442.34 Hektar) |  | Sempadan Negeri |
|  | TKPM Institusi Pertanian Ayer Hitam (IPAH) |  | Lebuhraya PLUS |
| | |  | Rangkaian Jalan Raya |
| | |  | Laluan Kereta Api |
| | |  | Laut |